BERITA HARIAN

36,000 peserta Jambori Pengakap Sedunia mula dipindahkan hari ini

Ogos 8, 2023 @ 1:07pm



Jambori Pengakap Sedunia mula dipindahkan. REUTERS

BUAN: Kira-kira 36,000 peserta Jambori Pengakap Sedunia mula dipindahkan, hari ini, dari tapak perkhemahan di barat daya Korea Selatan ke kawasan lebih selamat, terutama di sekitar ibu negara, menjelang ketibaan Taufan Khanun.

Taufan itu yang telah melanda selatan Jepun, dijangka membadai selatan negara ini pada Khamis dengan membawa hujan lebat dan angin kencang, menurut agensi ramalan cuaca.

Ia adalah tamparan terbaru kepada jambori selama 10 hari berkenaan yang sebelum itu berdepan kemelut ratusan peserta jatuh sakit akibat gelombang haba yang turut menyebabkan kontinjen pengakap Amerika Syarikat (AS) dan Britain terpaksa menarik diri lebih awal.

Pegawai memaklumkan, lebih 1,000 bas disediakan untuk membawa baki kira-kira 36,000 peserta dari lebih 150 negara itu keluar dari tapak perkhemahan berkenaan.



Jambori Pengakap Sedunia mula dipindahkan. AFP



Jambori Pengakap Sedunia mula dipindahkan. REUTERS

Menteri Dalam Negeri, Lee Sang-min, berkata konvoi terbabit akan diiringi kereta peronda dan helikopter polis.

Beliau berkata, lebih 16,000 pengakap berkenaan akan ditempatkan di Seoul dan sekitar wilayah Gyeonggi, manakala bakinya dibawa ke enam kawasan lain di Korea Selatan.

"Setiap kerajaan tempatan akan memastikan aspek kebersihan dan tandas di kemudahan terbabit," katanya.

Penganjur pula berkata, kebanyakan peserta akan mempunyai bilik sendiri atau berkongsi bilik dengan seorang lagi.

Dalam pada itu, terdapat media melaporkan Kerajaan Korea Selatan mengesahkan penempatan peserta berkenaan akan membabitkan 66 penginapan di Gyeonggi, Chungcheong Selatan (18), Seoul (17), Incheon (lapan), Chungcheong Utara (tujuh), pusat bandar Daejeon (enam), pusat pentadbiran bandar Sejong (tiga), dan Jeolla Utara (tiga).



Jambori Pengakap Sedunia mula dipindahkan. REUTERS

Kerajaan pada mulanya bercadang untuk memindahkan semua peserta ke kawasan ibu negara tetapi memperluaskan skop ke wilayah tengah susulan kesukaran mendapatkan sejumlah besar penginapan dalam tempoh yang singkat.

Kebanyakan tempat penginapan adalah asrama universiti, pusat latihan institusi awam dan kemudahan pendidikan.

Sementara itu Setiausaha Agung Pertubuhan Gerakan Pengakap Sedunia, Ahmad Alhendawi dalam satu kenyataan berkata, cabaran rumit sedemikian adalah kali pertama dihadapi dalam tempoh lebih 100 tahun penganjuran Jambori Pengakap Sedunia.

Presiden Korea Selatan, Yoon Suk Yeol semalam mengarahkan pasukan tindak balas kecemasan untuk melaksanakan perancangan terkini tanpa sebarang masalah.

Jambori itu dijadualkan berlangsung secara rasmi dari 1 hingga 12 Ogos ini, dan Kerajaan Korea Selatan dilapor akan meneruskannya dengan program alternatif dan persembahan artis K-pop. - AGENSI